

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 2025

GARIS PANDUAN BERKENAAN PENETAPAN PERAKUAN ANALISIS MINERAL DARIPADA MAKMAL GEOKIMIA NEGERI KELANTAN SEBAGAI SYARAT PERMOHONAN TENEMEN MINERAL DAN KADAR PENETAPAN BAYARAN PERAKUAN ANALISIS MINERAL

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berkaitan Garis Panduan Berkenaan Penetapan Perakuan Analisis Mineral Daripada Makmal Geokimia Negeri Kelantan Sebagai Syarat Permohonan Tenemen Mineral Dan Kadar Penetapan Bayaran Perakuan Analisis Mineral. Pekeliling ini bertujuan memperkukuh tatakelola industri perlombongan mineral di Negeri Kelantan dengan memastikan semua aktiviti perlombongan dilaksanakan berasaskan data analisis saintifik yang sahih dan disahkan oleh **Makmal Geokimia Negeri Kelantan (MGNK)**.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 19/2025 yang bersidang pada 10 September 2025 telah menetapkan *Perakuan Analisis Mineral* daripada MGNK di bawah **Seksyen 188(2)(g) Enakmen Mineral Negeri Kelantan 2001** sebagai salah satu syarat wajib bagi permohonan tenemen mineral. Pekeliling ini juga menetapkan penetapan bayaran analisis yang dilaksanakan oleh MGNK di bawah **Seksyen 188(2)(a) Enakmen Mineral Kelantan 2001**.

3. Pekeliling ini dibaca bersama peruntukan Seksyen 24, Seksyen 79 dan Seksyen 188(2)(a) dan (g) Enakmen Mineral Negeri Kelantan 2001.


4. *Perakuan Analisis Mineral* bermaksud laporan rasmi yang dikeluarkan oleh MGNK yang memperakukan keputusan analisis kimia bagi menentukan komposisi mineral dan unsur-unsur lain dalam sampel.

5. Syarat ini terpakai kepada semua syarikat dan individu yang mengusahakan perlombongan, tanpa pengecualian, sama ada berskala kecil atau besar berdasarkan keluasan kawasan yang dipohon dan pensampelan adalah seperti kadar yang berikut;

- 5.1 Keluasan kawasan kurang 50 hektar – tidak kurang dari **50 sampel**;
- 5.2 Keluasan kawasan lebih 51 hektar – tidak kurang dari **100 sampel**.

6. Semua kos analisis adalah **di bawah tanggungan pihak pelombong atau pemohon sendiri**. Kadar bayaran analisis akan ditetapkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan dari semasa ke semasa berdasarkan kos operasi sebenar makmal dan akan dimaklumkan melalui notis rasmi atau laman web Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Bayaran hendaklah dijelaskan sebelum keputusan analisis dikeluarkan.

7. Pekeliling ini berkuat kuasa **serta-merta** mulai tarikh dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama mana-mana garis panduan, arahan, atau pekeliling terdahulu yang berkaitan.



.....
DATO' HAJNIK RAISNAN BIN HAJI DAUD, D.P.S.K, P.M.K (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YBM. Tengku Kaya Perkasa Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU
KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.6/2/17
BERTARIKH : 16 Disember 2025/25 Jamadilakhir 1447H